

B Tulis jenis ayat yang betul bagi setiap ayat berikut.

Ayat penyata

Ayat tanya

Ayat perintah

Ayat seruan

	Ayat	Jenis
1	Para pelancong suka berkunjung ke tempat itu.	
2	Siapakah nama pemuda yang berkemeja putih?	
3	Oh, dialah tetamu istimewa yang dimaksudkan itu!	
4	Usah dikenang lagi peristiwa pahit itu.	
5	Cis, berani betul budak itu menentang aku!	
6	Budak lelaki itu pandai bermain piano.	
7	Jangan masuk ke kawasan semak itu lagi.	
8	Berapakah usia adik bongsu Ahmad?	
9	Di manakah destinasi terakhir awak semalam?	
10	Tali ampaian itu terputus kerana sudah reput.	
11	Tolong ambilkan tisu di atas peti itu.	
12	Bandar Batu Pahat terletak di negeri Johor.	
13	Wah, cantik sangat lukisan mural ini!	
14	Adakah Puan Diana ada di pejabat?	
15	Sila penuhkan ruang barisan hadapan terlebih dahulu.	
16	Eh, tidak sangka awak berbakat besar!	